

Headline	KATAKAN YA PADA PENGALAMAN FRISO GOLD		
MediaTitle	Mami Baby		
Date	24 Sep 2015	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	153	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	119 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,049
Frequency	Monthly	PR Value	RM 3,147



## KATAKAN YA PADA PENGALAMAN BERSAMA FRISO GOLD™



Friso Gold™ yang merupakan jenama susu tepung rumusan untuk kanak-kanak menggalakkan para ibu di Malaysia untuk mengatakan 'Ya' pada pengalaman dan menggalakkan anak-anak mereka belajar dan berkembang menerusi penemuan dan pengalaman di sekeliling dunia mereka, terutamanya di luar rumah. Friso Gold™ juga berkongsi dengan para ibu di Malaysia pelbagai tips dan idea menarik untuk memupuk hubungan yang lebih erat dengan anak-anak mereka. Untuk menunjukkan bagaimana pengalaman boleh membantu ibu dan anak bersama-sama menerokai dunia dan mengeratkan lagi hubungan antara mereka, Friso Gold™ telah menjemput dua orang ibu iaitu Liz Yahaya, seorang jurutera dan seorang ibu blogger dan

Low Ngai Yuen, bekas hos rancangan TV dan seorang penerbit filem untuk menyertai 'YES Experiment' di mana mereka harus bersetuju dengan permintaan yang munasabah daripada anak-anak mereka selama lima minggu berturut-turut.

Berucap di pelancaran media bagi kempen Katakan YA pada pengalaman Friso Gold™, Pengurus Pemasaran Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia), Cik Wong Vai Chi berkata, "Friso Gold™ percaya bahawa pengalaman adalah guru yang terbaik untuk kanak-kanak. Oleh itu, apabila seorang ibu berkata 'Ya' pada pengalaman, mereka membuka peluang kepada anak mereka untuk meneroka dan mempelajari lebih banyak dari persekitaran mereka. Ini membantu si manja membesar dengan lebih yakin dan menjadi seorang insan yang serba boleh. Lebih penting lagi, hubungan yang lebih erat antara ibu dan anak akan terpupuk apabila mereka menyertai aktiviti dan berkongsi pengalaman bersama."